Sinar Harian . 1/3/22 (Selasa) - pg: 15

# Bekas Timbalan Pengarah Kanan DBKL kekal bebas tuduhan rasuah

**KUALA LUMPUR -** Bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sabudin Mohd Salleh melakukan sujud syukur selepas Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin mengekalkan keputusan membebaskannya daripada pertuduhan menerima rasuah RM150,000 empat tahun lalu.



SABUDIN

Ia sejurus prosiding di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Azhar Abdul Hamid yang menolak rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan terdahulu.

"Tiada sebab untuk mahkamah campur tangan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen yang membebaskan Sabudin daripada pertuduhan pada 8 April tahun lalu," katanya.

Ketika ditemui selepas prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin berkata, pasukan pendakwaan akan memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan dalam masa terdekat.

Sabudin yang merupakan bekas Timbalan Pengarah Kanan (Awam) di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar DBKL didakwa atas pertuduhan secara rasuah menerima bagi dirinya barangan berharga berupa wang tunai RM150,000 daripada pengarah Syarikat Tegap Elit Sdn Bhd, Chia Chee Seng.

Dalam prosiding itu, Sabudin diwakili peguam K Theivaedran.

PROSECUTION TO APPEAL

# EX-CITY HALL MAN'S ACQUITTAL UPHELD

## High Court affirms former senior deputy director's not guilty verdict on bribery charge

RAHMAT KHAIRULRIJAL
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

FORMER Kuala Lumpur City Hall senior deputy director Sabudin Mohd Salleh will remain a free man after the High Court yesterday affirmed his not guilty verdict of accepting RM150,000 in bribes four years ago.

Sabudin, 60, was seen performing the *sujud syukur* (prostration of gratitude) outside the courtroom after Judicial Commissioner Datuk Azhar Abdul Hamid dismissed the prosecution's appeal.

Azhar said there was no reason for the court to intervene in the Sessions Court's decision, which freed Sabudin from the charge on April 8 last year.

Meanwhile, deputy public prosecutor Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin said the prosecution would file an appeal at the Court of Appeal soon.

Judge Suzana Hussin had previously acquitted and discharged Sabudin after finding that the prosecution had failed to prove a case against him.

"After listening to the testimony by all the prosecution witnesses and examining the submissions from both parties, the court finds that the prosecution failed to prove a prima facie case against the accused. Therefore, the accused is acquitted and discharged," she said.

Sabudin, who was former civil engineering and urban transportation senior deputy director of KL City Hall, was charged with receiving RM150,000 from Chia Chee Seng, a director of Tegap Elit Sdn Bhd, as an inducement for him to verify the claims for advance payment submitted by several companies.

He was charged with committing the offence at a house in Ukay Perdana here between Aug 13 and 19, 2018.

If convicted, he faces imprisonment of up to two years, or with fine, or both.

He was represented by lawyer K. Theivaendran.

Kes rasuah RM150,000

BH · 1/3/22 (Selasa) · M/S: 18

# Timbalan Pengarah Kanan DBKL kekal dilepas, dibebas

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen yang melepas dan membebaskan bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sabudin Mohd Salleh, daripada pertuduhan menerima rasuah wang tunai RM150,000 pada 2018.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Azhar Abdul Hamid, menolak rayuan pendakwaan dan memutuskan bahawa tiada alasan baginya untuk mengubah atau mencampuri keputusan Mahkamah Sesyen pada 8 April tahun lalu itu.

Sabudin, 60, yang memakai sut hitam, dilihat melakukan sujud syukur di luar mahkamah susulan keputusan itu.

Sebelum ini, Mahkamah Sesyen melepas dan membebaskan Sabudin yang juga bekas Timbalan Pengarah Kanan (Awam) di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar DBKL, daripada pertuduhan secara rasuah menerima bagi dirinya barangan berharga berupa wang tunai RM150,000 daripada pengarah Syarikat Tegap Elit Sdn Bhd.

Starmetro · 1/3/22 (Tuesday) · pg: 3

# RM500,000 drainage upgrade at Taman Million in KL

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

THE long-awaited drainage upgrade around residential and commercial areas of Taman Million in Sentul, Kuala Lumpur, has finally begun.

Batu MP P. Prabakaran said flash floods occured in 2018 whenever there was a downpour, especially near the shophouses.

"We raised the matter with Kuala Lumpur City Hall (DBKL) and minor drainage upgrades were done but the situation did not improve much," he told *StarMetro*.

Prabakaran said that since improving the entire drainage system in Taman Million would require a lot of funds and take time to be approved, minor repairs were conducted first.

"Now, drainage at the residential area along Jalan Pipit and the commercial area along Jalan Tiong is being upgraded.

"It is estimated to cost RM500,000 and will be completed in a month's time, subject to weather conditions," he said.

In December 2020, *StarMetro* reported that heavy rain on Nov 18 and 27 led to water flowing into shops and houses along Jalan Tiong, Jalan Tekukur, Lorong Balam and Jalan Merak in Taman Million.

DBKL said the flash floods were caused by rubbish clogging the drains.

During a clean-up last year, five tonnes of rubbish were removed from the drains in the area, including a motorcycle frame.

Residents claimed the situation had worsened because of infrastructure construction.

However, a spokesperson for one of the project contractors was quoted as saying in a previous report that flooding was due to domestic waste clogging the drains.

Meanwhile, Taman Million residents also want DBKL to rebuild a playground in Jalan Tiong.

Prabakaran said the playground had to make way for the MRT station's construction.

"The last discussion I had with the authorities was that the playground would be rebuilt after construction is completed," he said.

Resident Vetrikumar N. Therukesparan, 44, said that presently, parents were taking their children to a playground in another neighbourhood.



Residents and business operators are relieved that the drainage upgrade project in Taman Million has started. — ONG SOON HIN/The Star

Utusan Malaysia - 1/3/22 (Selasa) m/s: 12

# Bekas pegawai kanan DBKL sujud syukur selepas kekal dibebas

**KUALA LUMPUR:** Bekas Timbalan Pengarah Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Sabudin Mohd. Salleh melakukan sujud syukur sebaik Mahkamah Tinggi di sini semalam mengekalkan keputusan beliau dibebaskan sekali gus menolak rayuan pendakwaan.

Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, mahkamah mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen pada April 2021 selepas tiada alasan membolehkan beliau meminda keputusan mahkamah terdahulu.

Prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin manakala tertuduh diwakili peguam K.Theivaedran.

Pada 8 April 2021, Mahkamah Sesyen di sini melepas dan membebaskan Sabudin, 60, tanpa memanggilnya membela diri atas pertuduhan menerima bagi dirinya barang berharga iaitu wang tunai RM150,000 daripada Pengarah Tegap Elit Sdn. Bhd., Chia Chee Seng.

Wang itu sebagai dorongan melakukan suatu perbuatan di bawah hal ehwal prinsipalnya iaitu memperakukan sijil bayaran kemajuan tuntutan yang dikemukakan oleh beberapa syarikat.

Sabudin yang ketika itu bekas Timbalan Pengarah Kanan (Awam) di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar didakwa melakukan perbuatan itu antara 13 Ogos dan 19 Ogos 2018 di sebuah rumah di Ukay Perdana di sini.

Hakim Suzana Hussin memutuskan demikian di akhir kes pendakwaan selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan prima facie terhadap kes berkenaan. Seramai 10 saksi pendakwaan memberi keterangan pada perbicaraan kes itu.